



Ruj. Kami : SUK. D. 200 (06) SULIT JKP (2) 45/(3)
Bertarikh : 23 Zulkaedah 1447H bersamaan
11 Mei 2026M

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

**Semua Ketua Bahagian
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**

Dato'/ Tuan/ Puan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN
BAGI JAWATAN PENOLONG AKAUNTAN GRED W6**

Dengan segala hormatnya hamba Dato'/ saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pengerusi Jumaah Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan bagi Jawatan Dalam Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Gred 10 Hingga Gred 11 dan Kumpulan Pelaksana Gred 6 hingga Gred 8 telah bersetuju untuk mengadakan urusan kenaikan pangkat bagi jawatan Penolong Akauntan Gred W5 ke Gred W6.

3. Sehubungan dengan itu, Dato'/ Tuan/ Puan dimohon untuk mengemukakan maklumat kakitangan yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 3.1 Wajaran LNPT sebanyak **85 %** bagi **tiga (3) tahun terkini** (2023, 2024 dan 2025);
- 3.2 Bebas daripada hukuman tatatertib;
- 3.3 Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 3.4 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- 3.5 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 3.6 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

4. Permohonan urusan kenaikan pangkat ini boleh dibuat **menerusi sistem e-kp** iaitu <https://ekp.kelantan.gov.my/>. Bagi memastikan kelancaran urusan kenaikan pangkat ini, pegawai hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan semua maklumat perkhidmatan dalam sistem E-KP sama seperti yang tercatat dalam Buku Rekod Perkhidmatan Pegawai.

5. Permohonan dan dokumen yang lengkap bagi setiap pegawai di bawah seliaan Dato'/ Tuan/ Puan hendaklah dimuat naik kembali dan di hantar **sebelum atau pada 25 Mei 2026**.

6. Sehubungan dengan itu, menjadi tanggungjawab jabatan **untuk memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat**. Jabatan juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh jabatan akan menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima** tidak akan diproses.

7. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- | | | |
|------|-------------------------------------|-----------------------|
| i. | Encik Muhammad Zuhairi bin Azman | 09-7481957 (ext 2106) |
| ii. | Cik Nurul Syahirah binti Ibrahim | 09-7481957 (ext 2105) |
| iii. | Puan Siti Noor Zurainee binti Yahya | 09-7481957 (ext 2149) |

8. Di atas kerjasama pihak Dato'/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT"
"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"
"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM"

Hamba Dato'/ Saya yang menjalankan amanah,


(HAJJ MOHD HARIFF BIN GHAZALI)

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Merangkap Setiausaha

Jumaah Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan